

Head Office:
Wisma MCIS, Jalan Barat,
46200 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia

Postal Office:
P.O. Box 345, Jalan Sultan,
46916 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia

T +603 7652 3388
F +603 7957 1562
E customerservice@mcis.my
W www.mcis.my

LAMPIRAN PENERANGAN PRODUK	MCIS Insurance Berhad
Sila baca Lampiran Penerangan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil EduSecure. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat am.	EduSecure
	XXXX

1. Apakah ciri-ciri produk ini?

- EduSecure adalah pelan endowmen premium tetap yang matang pada ulang tahun polisi yang mana hari jadi Hayat yang Diinsuranskan yang berikutnya adalah 22 tahun. Pelan ini terdiri daripada kedua-dua elemen iaitu tanpa penyertaan (EduSecure Basic) dan berkaitan pelaburan (EduSecure Saver) yang mana 70% daripada premium yang dibayar untuk polisi asas akan dimasukkan ke EduSecure Basic manakala 30% selebihnya akan dimasukkan ke EduSecure Saver.
- Pelan ini menyediakan perlindungan terhadap Kematian/ Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh kepada Hayat yang Diinsuranskan.
- Pelan ini menyediakan EduRewards dijamin semasa ulangtahun polisi yang mana umur pada hari jadi berikutnya adalah 18, 19, 20 dan 21 tahun.
- Apabila matang, EduRewards Plus (manfaat matang) iaitu 30% daripada Jumlah Asas Diinsuranskan ditambah nilai akaun, ditolak sebarang hutang akan dibayar.
- Pelan ini juga menyediakan pilihan untuk bertukar kepada pelan premium tetap lain yang ditentukan oleh Syarikat setelah matang.
- Premium yang dibahagikan kepada EduSecure Saver akan digunakan untuk membeli unit dana(-dana) pilihan anda dengan kadar peruntukan 95% untuk menjana Nilai Akaun bagi keperluan simpanan anda. Nilai akaun pelaburan bergantung kepada harga unit dasar, yang mana pulangannya bergantung kepada prestasi dana(-dana) yang anda pilih. Sila rujuk risalah dan lampiran fakta dana untuk maklumat lanjut mengenai dana yang disediakan dan matlamatnya.
- Payer Benefit Rider adalah diwajibkan untuk membolehkan anda menikmati pelepasan cukai pendidikan (tertakluk kepada kelulusan Lembaga Hasil Dalam Negeri)
- Pelan ini dikecualikan dari Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Jumlah Asas Diinsuranskan = RM500,000

Tempoh Polisi = 21 tahun

Tempoh Bayaran Premium = 17 tahun

Dana Dipilih:

Jenis Dana	Dana MCIS Life AsiaPac	Dana MCIS Life Balanced	Dana MCIS Life Dividend	Dana MCIS Life Equity	Dana MCIS Life Global Yakin	Dana MCIS Life Income	Dana MCIS Life Jati	Dana MCIS Life Titan	Jumlah
Nisbah Dana Dipilih (%)	100%	0%	0%	0%	0%	0%	0%	0%	100%

Polisi ini melindungi:

Manfaat Kematian/Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh	Sekiranya berlaku Kematian/Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh Hayat yang Diinsuranskan, manfaat yang akan dibayar adalah:	
	1) Jumlah yang lebih tinggi: i) Jumlah premium yang telah dibayar untuk EduSecure Basic tanpa faedah (tidak termasuk sebarang loading); atau ii) 100% Jumlah Asas Diinsuranskan (RM500,000) ditambah 2) Nilai Akaun ditolak sebarang hutang Bagi Manfaat Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh, bayaran akan dibuat selepas 6 bulan dari tarikh didiagnosis. Manfaat Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh maksimum bagi setiap hayat adalah RM2,000,000. Polisi akan ditamatkan selepas bayaran penuh bagi Manfaat Kematian/ Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh.	
EduRewards	Ketika polisi berkuatkuasa, pada ulang tahun polisi yang mana umur Hayat yang Diinsuranskan pada hari jadi berikutnya adalah 18, 19, 20 dan 21 tahun, EduRewards ditolak sebarang hutang akan dibayar. Jumlah EduRewards dijamin adalah seperti yang dinyatakan di bawah:	
Pada ulang tahun polisi yang mana umur Hayat yang Diinsuranskan pada hari jadi berikutnya adalah		Peratusan Jumlah Asas Diinsuranskan (Jumlah EduRewards Dijamin)
18		30% (RM150,000)
19		30% (RM150,000)
20		30% (RM150,000)
21		30% (RM150,000)
Anda telah memilih Pilihan "BAYARAN" bagi EduRewards Pilihan ini membayar EduRewards Dijamin kepada Pemegang Polisi mengikut jadual pembayaran.		
EduRewards Plus (Manfaat Matang)	Sekiranya hidup sehingga akhir tempoh polisi, 30% daripada Jumlah Asas Diinsuranskan (RM150,000) ditambah Nilai Akaun ditolak sebarang hutang akan dibayar. Polisi akan ditamatkan setelah bayaran penuh EduRewards Plus (Manfaat Matang) dibuat.	
Keistimewaan Penukaran	Apabila matang, anda mempunyai keistimewaan untuk menukar pelan ini kepada pelan premium tetap lain yang ditentukan oleh Syarikat yang melindungi Kematian/Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh hanya untuk Jumlah Diinsuranskan sama atau lebih rendah tanpa sebarang bukti kebolehinsurans.	
Nilai Serahan	Nilai Serahan Tunai daripada EduSecure Basic ditambah Nilai Akaun akan dibayar selepas serahan. Sila rujuk Ilustrasi Jualan untuk maklumat terperinci.	

Nota:

- Untuk kanak-kanak berumur di bawah 4 tahun, lién juvenil akan terpakai bagi Manfaat Kematian
- Nilai Akaun = Bilangan Unit x Harga Bida pada tarikh penilaian berikutnya
- Sila rujuk kontrak polisi untuk terma dan syarat manfaat yang terperinci.

Peringatan: Sila baca risalah jualan yang mengandungi manfaat produk dan matlamat dana berkaitan pelaburan. Adalah penting untuk memilih pelan dan kombinasi dana yang bersesuaian dengan matlamat kewangan dan profil risiko anda.

PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi MCIS Life atau PIDM (lajari www.pidm.gov.my).

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

- Jumlah premium yang anda perlu bayar dan terma polisi akan berubah bergantung pada keperluan pengunderaitan MCIS Insurance Berhad.
Sila rujuk kepada Ilustrasi Jualan untuk butir-butir yang terperinci.
 - Anggaran premium EduSecure Basic yang anda perlu bayar: RM33,950.28 setahun
 - Anggaran premium EduSecure Saver yang anda perlu bayar: RM14,550.12 setahun
 - Anggaran jumlah premium polisi asas yang anda perlu bayar: RM48,500.40 setahun
 - Tempoh premium : 17 tahun
- Kadar premium atas adalah bagi risiko yang standard dan caj premium sebenar adalah tertakluk kepada sebarang loading yang dikenakan oleh pengunderait. Terma dan kadar polisi berbeza bergantung kepada umur penyertaan, jantina, tempoh pembayaran premium dll.
- Kadar premium adalah dijamin sepanjang tempoh polisi.
- Kami memperuntukkan sebahagian daripada premium untuk membeli unit di dalam dana(dana) berkaitan pelaburan yang telah anda pilih. Sebarang amaun yang tidak diperuntukkan akan digunakan untuk membayar komisen kepada ejen/broker/penasihat kewangan dan perbelanjaan lain-lain Syarikat. Anda dinasihatkan untuk merujuk kepada kadar peruntukan yang diberikan di dalam Ilustrasi Jualan.

4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

- Caj Pengurusan Dana (FMC) akan dikenakan ke atas Nilai Akaun:

Dana	Dana MCIS Life Income	Dana MCIS Life Balanced	Dana MCIS Life Jati	Dana MCIS Life Equity	Dana MCIS Life Dividend	Dana MCIS Life AsiaPac	Dana MCIS Life Global Yakin	Dana MCIS Life Titan
FMC	0.50%	1.25%	1.35%	1.4%	1.5%	0.85%	0.85%	0.85%
Maksimum 1.0% Setahun								Maksimum 1.5% Setahun

Nota: FMC adalah tidak dijamin. Syarikat boleh mengubah FMC dari semasa ke semasa dengan memberikan notis tiga (3) bulan terlebih dahulu.

- Jumlah komisen yang perlu dibayar ialah:
 - 145.35% daripada satu tahun Premium EduSecure Basic dan
 - 63.75% daripada satu tahun Premium EduSecure Saver dan
 - 3.75% daripada Premium Pelaburan Tambahan (jika ada).

5. Apakah terma dan syarat penting yang harus saya ketahui?

- Kepentingan pendedahan - anda hendaklah mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan kesihatan, pekerjaan dan nyatakan umur anda dengan betul.
- Tempoh bertenang - anda boleh membatalkan polisi anda dengan mengembalikan polisi dalam tempoh 15 hari selepas anda menerima polisi tersebut. Syarikat akan memulangkan premium yang telah dibayar bagi EduSecure Basic, premium yang tidak diperuntukkan daripada EduSecure Saver dan nilai unit yang telah diperuntukkan (jika ada) pada harga unit pada tarikh penilaian seterusnya ditolak sebarang perbelanjaan perubatan yang ditanggung oleh Syarikat.
- Tempoh tangguh adalah 30 hari bagi kekerapan bayaran premium secara bulanan dan 45 hari bagi kekerapan bayaran premium secara tahunan, setengah tahunan dan suku tahunan.
- Anda seharusnya berpuas hati bahawa pelan ini memenuhi keperluan anda dengan sebaiknya dan premium yang perlu dibayar di bawah pelan ini adalah jumlah yang anda mampu bayar.
- Caj serahan akan dikenakan ke atas nilai serahan tunai dijamin daripada EduSecure Basic sepanjang tempoh polisi. Amaun caj serahan adalah seperti yang ditunjukkan di dalam jadual di bawah:

Bilangan Bulan Polisi Premium Dibayar	Caj Serahan (% daripada Nilai Serahan Tunai Dijamin)
Kurang daripada 37 bulan	100%
37 - 72 bulan	80%
73 - 108 bulan	50%
109 bulan dan ke atas	20%

- Anda boleh menambah pelaburan anda dengan premium tunggal pelaburan tambahan dengan pelaburan tambahan minima yang dibenarkan pada RM100 (dalam gandaan RM100)
- Anda yang akan membuat keputusan bagi dana pilihan anda dan menanggung risiko pelaburan asas. Anda harus mengetahui risiko nyata dan manfaat melabur dalam dana(dana) berkaitan pelaburan untuk membuat keputusan berdasarkan maklumat yang lengkap. Anda perlu memastikan bahawa anda memahami risiko kewangan dan potensi kerugian yang mungkin timbul daripada pelaburan dalam dana(dana) berkaitan pelaburan. Anda perlu memastikan bahawa dana yang dipilih menepati objektif pelaburan dan tahap risiko anda. Sila rujuk kepada material pemasaran yang sesuai dan berkenaan (contohnya risalah, lampiran fakta dana, Ilustrasi Jualan dan sebagainya) untuk maklumat lanjut.
- Nilai Akaun - nilai akaun pelan bergantung kepada prestasi dana berkaitan pelaburan yang dipilih.
- Prestasi sesuatu dana pada masa lalu tidak boleh dijadikan panduan untuk menilai prestasi pada masa hadapan yang mungkin berbeza.**

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi bagi terma dan syarat di bawah polisi ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

- Manfaat Kematian tidak akan dibayar sekiranya kematian Hayat yang Diinsuranskan disebabkan pertarungan, kecederaan yang dilakukan sendiri atau bunuh diri, sama ada semasa waras atau tidak waras dalam tempoh tiga belas (13) bulan dari Tarikh Dikeluarkan atau tarikh penguasaan semula polisi, yang mana lebih kemudian.
- Manfaat Hilang Upaya Kekal & Menyeluruh tidak akan dibayar jika mana-mana ketidakupayaan disebabkan secara langsung atau tidak langsung, keseluruhan atau sebahagian oleh: percubaan membinaasakan diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri sama ada semasa waras atau tidak waras, berkhidmat dalam ketenteraan darat atau laut dalam masa perperangan yang diisyiharkan atau tidak diisyiharkan atau sama ada di bawah arahan untuk operasi ketenteraan atau pemulihan ketenteraan awam.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi bagi senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami.

Membeli polisi hayat adalah komitmen kewangan jangka masa panjang. Jika anda tidak membayar premium anda dalam tempoh tangguh, polisi anda mungkin luput melainkan jika polisi anda mempunyai nilai tunai. Jumlah tunai yang akan dibayar oleh syarikat insurans kepada anda apabila anda membatalkan polisi sebelum tempoh matang adalah kurang daripada jumlah premium yang anda telah bayar.

Jika anda mendapat dana yang dipilih tidak lagi sesuai, anda boleh memilih untuk menukar dana. Tiada caj dikenakan bagi penukaran dana.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada maklumat perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memberitahu kami jika terdapat apa-apa perubahan dalam maklumat perhubungan anda (termasuk penama dan/atau pemegang amanah) untuk memastikan segala surat-menyurat sampai kepada anda dan/atau penama/pemegang amanah anda dalam masa yang tepat.

9. Di manakah maklumat lanjut boleh diperolehi?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans hayat, sila rujuk kepada buku kecil *insuranceinfo* berkaitan 'Insurans Hayat'. Anda boleh mendapatkan satu salinan daripada ejen insurans atau lawat: www.insuranceinfo.com.my.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

MCIS Insurance Berhad No. Pendaftaran: 199701019821 (435318-U)

Ibu Pejabat : Wisma MCIS, Jalan Barat, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Alamat Pos : Peti Surat 345, Jalan Sultan, 46916 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tel : 03-7652 3388

Faks : 03-7957 1562

Emel : customerservice@mcis.my

Laman Web : www.mcis.my

MCIS Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

10. Apakah lagi jenis pelan serupa yang ada?

Sila rujuk kepada ejen/broker/penasihat kewangan anda untuk perlindungan serupa yang disediakan.

NOTA PENTING:

MEMBELI POLISI INSURANS HAYAT ADALAH KOMITMEN KEWANGAN JANGKA MASA PANJANG. ANDA MESTI MEMILIH JENIS POLISI YANG SESUAI DENGAN SITUASI PERIBADI ANDA. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

INI ADALAH PRODUK INSURANS YANG BERGANTUNG KEPADA PRESTASI ASET DASAR, DAN IA BUKAN PRODUK PELABURAN TULEN SEPERTI UNIT AMANAH. ANDA HARUS MENILAI PILIHAN ANDA DENGAN TELITI DAN MEMASTIKAN BAHWA DANA BERKAITAN PELABURAN YANG DIPILIH ADALAH YANG PALING BERSESUAIAN DENGAN TAHP RISIKO ANDA, DAN ANDA MAMPU MEMBAYAR PREMIUM SEPANJANG TEMPOH POLISI. PULANGAN ATAS DANA BERKAITAN PELABURAN ADALAH TIDAK DIJAMIN.

Maklumat yang diberikan dalam lampiran penerangan ini adalah sah pada XXXX.